

PKR sedia buka ruang kepada Dr. Mahathir

KUALA TERENGGANU 2 Nov. - Parti Keadilan Rakyat (PKR) bersedia membuka ruang kepada Tun Dr. Mahathir Muhammad sekiranya bekas Perdana Menteri itu mahu menyertai pembangkang.

Penasihat PKR, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, Dr. Mahathir boleh mengemuka-

kan permohonan tersebut jika beliau berminat

"Tun (Dr. Mahathir) boleh mohon tetapi kita akan pertimbangkan terlebih dahulu," katanya kepada pemberita pada majlis rumah terbuka Aidilfitri anjuran PKR Terengganu di Batu Enam, 'Kuala Nerus di sini hari ini.